

# PERUBAHAN MEMBAWA KEBAHAGIAAN



*AH*

DR AZURA HASHIM

## PERUBAHAN YANG MEMBAWA KEBAHAGIAN



Semua orang mempunyai keinginan untuk berubah ke arah kebaikan. Resepi kebahagiaan yang utama terletak pada hati.

Hati yang ikhlas akan memudahkan proses perubahan.

Perubahan yang dimaksudkan adalah dari melihat keburukan bertukar kepada kebaikan. Perubahan sikap dari takut menjadi berani dan perubahan untuk kemajuan diri yang boleh dimanfaatkan pada perkara yang betul.

Inilah dinamakan hijrah diri, sepertimana firman Allah di dalam surah An Nisa, ayat 100.

*“Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan RasulNya, kemudian ia mati (dalam perjalanan),*



*maka sesungguhnya telah tetap pahala  
hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah)  
Allah Maha Pengampun, lagi Maha  
Mengasihani.”*

Menurut Imam al-Ghazali, puncak kebahagiaan bagi manusia adalah jika dia berhasil mencapai ma'rifatullah iaitu setelah dia mengenal Allah S.W.T.





# PERUBAHAN HATI





## Perubahan Hati



Melalui hati, seseorang boleh berubah secara istiqamah. Hakikatnya, hati adalah raja dalam batang tubuh manusia. Bahkan hati juga menentukan akhir hayat kita. Jika hati kita kekal dengan keimanan, maka kesudahan yang baik untuk kita. Semoga kita semua dalam golongan yang memperolehi khusnul khatimah.

*Hati tempat jatuhnya pandangan Allah  
Jasad lahir tumpuan manusia  
Utamakanlah pandangan Allah  
Daripada pandangan manusia*

*Lirik Nasyid Kumpulan Hijjaz*

Rasulullah SAW bersabda,

*“Sesungguhnya Allah tidak memandangi  
pada rupa dan tubuh kamu, tidak pada  
harta kamu, tetapi Allah memandangi hati  
dan amal kamu.” (Riwayat Muslim).*




Perubahan hati yang perlu dilakukan adalah dari mazmumah kepada mahmudah. Membuang sifat marah, kedekut, dengki dan apa jua sifat negatif yang ada dalam diri. Tanam dan niatkan dengan bersungguh-sungguh bahawa aku ingin berubah kepada lebih baik.

Hati yang yakin akan menenggelamkan kejahatan dan menimbulkan kebaikan. Berhenti membandingkan diri dengan orang lain. Seringkali, kita membandingkan hidup dengan nasib orang lain yang dilihat lebih baik. Setiap seorang dari kita ada ujian dan kelebihan masing-masing cuma berbalik pada diri kita, mahu melihat sebagai hikmah atau kesusahan.

Jika difikir semula, iri hati ini petanda apa?

Tidak menerima takdir Allah atas nasib orang lain. Renung semula kisah Qabil dan Habil, angkara iri hati, terjadilah pembunuhan ke atas Habil. Untuk menambah rasa syukur dan buang rasa iri hati pada tempat yang salah, pandang orang lain yang mungkin situasinya lebih teruji dari kita. Didik hati untuk lebih redha.



Tenanglah kerana Allah S.W.T telah menetapkan rezekinya melainkan jika dia tidak berusaha. Adakah salah jika kita mahu mendapatkan lebih daripada orang lain? Tidak salah, malah kita digesa untuk membina hidup lebih baik. Tapi jangan sampai kita merosakkan diri.

# PERKARA YANG BOLEH DILAKUKAN UNTUK BERUBAH



## PERKARA YANG BOLEH DILAKUKAN UNTUK BERUBAH:

*Fikir positif - Ubah dari percaya kepada yakin*

*Fokus pada kehidupan yang sedang dibina*

*Bandingkan diri pada hari ini dengan hari semalam*

Bahagia hidup tidak diukur dengan melihat siapa lebih besar atau lebih kecil, siapa diatas dan dibawah tetapi dilihat pada siapa yang menemui bahagia.

# PERUBAHAN SIKAP





## Perubahan Sikap

Allah berfirman:

*“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka.” (Surah Al-Ra’d 13:11).*

Mengubah ketakutan kepada keberanian. Takut gagal adalah satu kekecewaan yang menghalang kita merasa bahagia. Kegagalan juga suatu proses untuk kita memperbaiki diri. Walaupun perasaan takut itu adalah normal, tapi jangan biarkan perasaan takut ini berlebih-lebihan. Ketakutan pada kegagalan hadir dari rasa kurang keyakinan pada diri.

**Jadi kita perlu tambahkan keyakinan diri.** Berpura-puralah sehingga kamu boleh melakukannya. Dalam masa berpura-pura, kalian merasa kehadiran orang sekeliling datang memberi sokongan, kepercayaan. Dan meletakkan kalian dalam situasi yang bersungguh-sungguh dan berkeyakinan tinggi.

**Percaya pada diri sendiri dan beri peluang diri kalian untuk mencuba.** Kegagalan jangan



diendahkan tetapi belajar dari kegagalan untuk memperbaiki kesilapan.

Paksa diri untuk berubah. Tiada siapa yang mampu memaksa kita melainkan diri sendiri. Kesedaran untuk berubah sebenarnya ada, namun kita lebih selesa melenghakannya.

Melalui perubahan sikap, kelak kata-kata juga akan turut sama berubah. Bicara kata tajamnya ibarat pedang, boleh mengguris hati. Perwatakan juga dapat dilihat melalui tutur bicaranya. Pelihara lidah dari berkata yang tidak baik. Sebaliknya, kata-kata yang dapat memberi inspirasi kepada orang lain.

# PERUBAHAN UNTUK KEMAJUAN





## Perubahan Untuk Kemajuan

Menguasai potensi diri. Maksimalkan bakat, kemahiran, pengalaman anda dalam sesuatu yang kalian kuasai. Ini penting bagi membina keyakinan dan menambah nilai diri.


Ada cara mudah untuk mengetahui potensi sebenar dan kecenderungan minat kalian. Iaitu melalui ilmu grafologi, tulisan tangan yang dianalisis dan hasilnya boleh dipecahkan kepada beberapa aspek:

1. Mengetahui karakter yang memberi kekuatan
2. Kenali karakter yang menghalang kita berjaya
3. Membuka jalan bagi menentukan potensi dan kecenderungan diri
4. Meningkatkan keyakinan kesan daripada perubahan tulisan
5. Mengasah bakat kepimpinan

# KARAKTER KEPIMPINAN MELALUI TULISAN TANGAN



Saya kongsi contoh tandatangan yang memiliki karakter kepimpinan.



Di atas adalah contoh tandatangan karakter pemimpin. Iaitu tandatangan dengan garisan di bawahnya. Pastikan garisan itu tidak memotong nama kalian. Bakat kepimpinan ada dalam diri semua orang, cumanya perlu digilap menjadi bersinar.

Lakukanlah perubahan walaupun sekecil-kecil perkara.

Sayyidatina Aisyah dan Ummu Salamah ditanya,

*“Apakah amalan yang paling disukai  
Nabi?”*

Mereka berdua menjawab

*“Amalan yang berterus walaupun sedikit.”  
(Riwayat Ahmad)*

Sama-samalah kita koreksi diri, mencari apa yang perlukan perubahan. Semoga perkongsian ini memberi suntikan baru untuk semua. Perubahan memang penuh dengan cabaran, tambah-tambah kita berjuang membuang perkara negatif dalam diri. Terus ke hadapan dan jangan dengar cakap-cakap orang sekeliling, sebaliknya kuatkan keazaman, dengar kata hati sendiri.

Salam sayang

Dr Azura Hashim